



PTS Media Group Sdn. Bhd. (173482-A)
pts.com.my

No. 12, Jalan DBP,
Dolomite Business Park,
68100 Batu Caves,
Selangor, MALAYSIA
Tel : +603-6188 0316
Faks : +603-6189 1316

KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

BUKU SAYA, SHERLOCK & LUPIN: BABAK TERAKHIR OPERA

Siri Saya, Sherlock & Lupin diteruskan dengan kes kedua, iaitu *Babak Terakhir Opera* selepas menyelesaikan kes dalam siri pertama, *Wanita Berkelubung Hitam*. Bagi remaja yang menggemari buku bertemakan penyiasatan, buku ini pasti menarik kerana menampilkan kisah penyiasatan Irene Adler, Sherlock Holmes, dan Arsène Lupin pada zaman remaja mereka.

Penggunaan gaya bahasa yang santai, pembaca seolah-olah dapat merasai pengalaman menyiasat bersama tiga detektif muda ini. Bukan sahaja sesuai dibaca oleh golongan remaja, buku ini juga sesuai dibaca oleh golongan dewasa yang ingin mengetahui kisah zaman remaja kepada 3 watak yang tidak asing kepada dunia fiksyen penyiasatan ini.

Buku dengan halaman 256 ini membongkar misteri pembunuhan seorang pembantu komposer dan kehilangan penyanyi opera terkenal kegemaran Irene. Plot yang mudah difahami, isi yang matang, serta nilai murni yang dibawa oleh setiap watak membuatkan buku ini wajar dimiliki.

Terdapat 22 bab dalam penyiasatan kali ini. Antaranya adalah *Pertemuan yang Menjengkelkan*, *Kebenaran yang Tersembunyi*, *Raja Teka-Teki*, *Benang Masa Lalu*, dan *Keajaiban Sebuah Teater*.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI
Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.
H/P: 016-661 1974
E-mel: awatif@pts.com.my